

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI TERHADAP EFKASI KENDIRI GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS

The Relationship between Emotional Intelligence and Self Efficacy among Special Education Pre-service Teachers at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus

Mohd Zainal Abidin Che Mood

Universiti Malaya

zainalabidin@ipgkik.edu.my

Mohd Asri Bin Abdul Rahman

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

asri@ipgkik.edu.my

Loh Sau Cheong (PhD)

Universiti Malaya

lohsch@um.edu.my

Zaharah Hussin (PhD)

Universiti Malaya

zaharah@um.edu.my

ABSTRAK

Guru merupakan peneraju utama dalam memastikan kualiti dan kecemerlangan sesebuah sekolah. Keupayaan kecerdasan emosi mampu mempengaruhi guru untuk melaksanakan proses pengajaran dengan berkesan seterusnya berupaya melahirkan pelajar yang cemerlang dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dalam mempengaruhi efikasi kendiri Guru Pelatih Pendidikan Khas. Kajian ini telah dijalankan dalam bentuk kajian kuantitatif. Instrumen yang digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi ialah *Emotional Intelligence Inventory Goleman* (1995). Manakala bagi mengukur efikasi kendiri guru pelatih, pengkaji akan menggunakan instrumen *Skala Efikasi Guru* (*Teacher Efficacy Scale-TES*) yang dibangunkan oleh Woolfolk dan Hoy. (1990) yang mengadaptasi instrumen Gibson dan Dembo (1984). Seramai 96 pelajar dari IPG Kampus Ilmu Khas terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi. Kajian mendapat hubungan yang signifikan antara lima elemen kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri. Elemen-elemen kecerdasan emosi untuk mengenali emosi diri mempunyai hubungan yang sederhana positif dengan efikasi kendiri. Manakala empat elemen kecerdasan emosi iaitu pengurusan emosi, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial mempunyai korelasi yang rendah dengan efikasi kendiri.

Kata kunci: Hubungan, kecerdasan emosi, efikasi kendiri guru pelatih

ABSTRACT

A teacher is the main player in ensuring the quality and excellence of a school. Teachers' emotional intelligence influences the teacher to implement the teaching process effectively which in return produces excellent students capable of achieving the goals set. Therefore, the purpose of this study is to explore the connection between emotional intelligence and self-efficacy of the Special Education Pre-Service Teachers'. The study employed a quantitative research design. The instrument used to measure emotional intelligence is Emotional Intelligence Inventory Goleman (1995), while to measure the self-efficacy of the pre service teachers, researchers used the Teacher Efficacy Scale (Teacher Efficacy Scale-TES) developed by Woolfolk and Hoy (1990) which adapted the Gibson and Dembo's (1984) instrument. A total of 96 students from the Institute of Teacher's Education Ilmu Khas Campus were involved in this study. Data were analysed using inferential statistics. The study showed a significant connection between the five elements of emotional intelligence with self-efficacy. The elements of emotional intelligence to recognize self-emotions have a moderate positive relationship with self-efficacy. While the other four elements of emotional intelligence, emotional management, self-motivation, empathy and social skills, retain a low correlation with self-efficacy.

Keywords: Relationship, emotional intelligence, self-efficacy in pre-service teachers